

VoA
2025

Volume 21 Issue 1



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

eISSN: : 2682-7840

ADVISORY BOARD MEMBER
PROFESSOR DR. ROSHIMA HAJI. SAID
ASSOCIATE PROFESSOR DR MOHD RIZAIMY SHAHRUDDIN

CHIEF EDITOR
DR. JUNAIDA ISMAIL

MANAGING EDITOR
MOHD NAZIR RABUN

COPY EDITOR
SYAHRINI SHAWALLUDIN

EDITORIAL TEAM
SAMSI AH BIDIN
ETTY HARNIZA HARUN
INTAN SYAHRIZA AZIZAN

EDITORIAL TECHNICAL TEAM
KHAIRUL WANIS AHMAD
MAZURIAH AHMAD

EDITORIAL BOARD

PROFESSOR DR. DIANA KOPEVA,
UNIVERSITY OF NATIONAL AND WORLD ECONOMY, SOFIA, BULGARIA

PROFESSOR DR. KIYMET TUNCA CALIYURT,
FACULTY OF ACCOUNTANCY, TRAKYA UNIVERSITY, EDIRNE, TURKEY

PROFESSOR DR. M. NAUMAN FAROOQI,
FACULTY OF BUSINESS & SOCIAL SCIENCES,
MOUNT ALLISON UNIVERSITY, NEW BRUNSWICK, CANADA

PROFESSOR DR. SIVAMURUGAN PANDIAN,
SCHOOL OF SOCIAL SCIENCE,
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM), PULAU PINANG

PROF. DR SULIKAH ASMOROWATI,
FISIP, UNIVERSITAS AIRLANGGA (UNAIR), SURABAYA, INDONESIA

DR. IRA PATRIANI,
FISIP, UNIVERSITAS TANJUNGPURA (UNTAN), PONTIANAK, INDONESIA

DR. RIZAL ZAMANI IDRIS,
FACULTY OF SOCIAL SCIENCE & HUMANITIES,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS), SABAH

DR. SIMON JACKSON,
FACULTY OF HEALTH, ARTS AND DESIGN,
SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MELBOURNE, AUST

DR. AZYYATI ANUAR,
FACULTY OF BUSINESS MANAGEMENT,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. FARYNA MOHD KHALIS,
COLLEGE OF CREATIVE ARTS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SHAH ALAM, MALAYSIA

DR IDA NORMAYA MOHD NASIR,
FACULTY COMPUTER SCIENCE AND MATHEMATICS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR MOHD FAIZAL JAMALUDIN,
FACULTY OF ACCOUNTANCY,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. MUHAMAD KHAIRUL ANUAR ZULKEPLI,
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR NOR ARDIYANTI AHMAD,
FACULTY OF ADMINISTRATIVE SCIENCES & POLICY STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

CONTENT REVIEWER

DR. AZREEN HAMIZA ABDUL AZIZ,
CENTRE FOR ISLAMIC DEVELOPMENT MANAGEMENT STUDIES (ISDEV),
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM), MALAYSIA

DR AZZYATI ANUAR,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. CHE KHADIJAH HAMID,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) TERENGGANU BRANCH, MALAYSIA

DR. FARAH SYAZRAH BINTI MOHD GHAZALLI,
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA), TERENGGANU.

DR FARYNA MOHD KHALIS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SHAH ALAM, MALAYSIA

DR. MOHAMAD IDHAM MD RAZAK,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SEREMBAN 3 BRANCH, MALAYSIA

DR. MOHD FAIZAL JAMALUDDIN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR NOR ARDYANTI AHMAD,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR NOR AMIRA SYAZWANI,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PAHANG BRANCH, MALAYSIA

DR NOR RAIHANA ASMAR MOHD NOOR,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KELANTAN BRANCH, MALAYSIA

DR RAZLINA RAZALI,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SEREMBAN 3 BRANCH, MALAYSIA

DR RIZAL ZAMANI IDRIS,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS), SABAH, MALAYSIA

DR. SAKINATUL RAADIYAH ABDULLAH,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. SALIMAH YAHAYA,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) TERENGGANU BRANCH, MALAYSIA

DR. SITI NORFAZLINA YUSOFF,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. SURITA HARTINI MAT HASSAN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PAHANG BRANCH, MALAYSIA

DR. SHAHIRAH SAID,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PERMATANG PAUH,
PULAU PINANG BRANCH, MALAYSIA

PROFESOR MADYA TS DR MOHD NOR MAMAT,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SHAH ALAM, MALAYSIA

PROF. MADYA DR. WAN NOR JAZMINA BINTI WAN ARIFFIN,
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA), TERENGGANU.

LANGUAGE REVIEWER

A&N ACADEMIC AND SCIENTIFIC EDITING SERVICES

DR. NURAINI ABDULLAH,
ACADEMY LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PERLIS BRANCH, MALAYSIA

FAHAROL ZUBIR,
ACADEMY LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PERLIS BRANCH, MALAYSIA

MATHS PROOFREAD SDN BHD

MAJDAH CHUAN,
ACADEMY LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PERLIS BRANCH, MALAYSIA

NOR ASNI SYAHRIZA BINTI ABU HASSAN,
ACADEMY LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

NURUL HAMIMI BINTI AWANG JAPILAN,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS), SABAH, MALAYSIA

e-ISSN: 2682-7840



Copyright © 2025 by the Universiti Teknologi MARA (UiTM) Press

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch,
Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press),
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Malaysia,
Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.




TABLE of CONTENTS

A BIBLIOMETRIC ANALYSIS ON WORKING CAPITAL MANAGEMENT IN SME Nor Razuana Amram ^{1*} , Noor Hidayah Zainudin ² , Nazihah Wan Azman ³ & Nuur Atikah Ghazali ⁴	1 -15
LEVERAGING BLOCKCHAIN FOR ENHANCED SOCIAL AND ENVIRONMENTAL ACCOUNTABILITY: A CONCEPTUAL FRAMEWORK Roshidah Safeei ^{1*} , Nor Asni Syahriza Abu Hassan ²	16 -29
PENEROKAAN FAKTOR-FAKTOR PENGETAHUAN TEKNOLOGI PEDAGOGI KANDUNGAN YANG MEMPENGARUHI AMALAN STRATEGI PENGAJARAN KREATIF DALAM PENDIDIKAN ISLAM Jahidih Saili ^{1,2*} , Muhamad Suhaimi Taat ² & Nurul Hamimi Awang Japilan ³	30 - 45
STRATEGI PEMBELAJARAN UNTUK PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA ARAB: SATU KAJIAN DI SALAH SEBUAH SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KUALA NERUS TERENGGANU, MALAYSIA Syahirah Amni Abdull Aziz ¹ & Mohammad Taufiq Abdul Ghani ^{2*}	46 - 59
HOW CONSUMPTION EXPENDITURE AND EXPORT CAN AFFECT MALAYSIA ECONOMIC GROWTH Noorazeela Zainol Abidin ^{1*} , Nuraini Abdullah ¹ , Ummi Naiemah Saraih ^{1,2} & Hafirda Akma Musaddad ¹	60 - 72
COMICS USING PROBLEM-BASED LEARNING IN SCIENCE SUBJECT: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW Nur Farha Shaafi ^{1*} , Sabariah Sharif ² , Mohammad Mubarrak Mohd Yusof ³ & Mohd Jusmaime Jumi ⁴	73 - 86
THE ROLE OF VIRTUAL INFLUENCERS IN SHAPING FASHION PREFERENCES AMONG MALAYSIAN GENERATION ALPHA: PERCEPTIONS, ENGAGEMENT AND CONSUMER TRUST Normaziana Hassan ^{1*} , Juaini Jamaludin ² , Syahrini Shawalludin ³ & Asrol Hasan ³	87 - 105
EXPLORING ONLINE MONEY TRANSFER HABITS AMONG UITM MERBOK STUDENTS: A STUDY ON PREFERENCES, SPENDING PATTERNS, AND CHALLENGES Ida Normaya Mohd Nasir ^{1*} , Shahirah Amanisa Shapuranan ² , Nur Fatimah Muhammad Hirman ³ & Athirah Radzali ⁴	106 - 121
SOCIAL MEDIA AND LOCAL TOURIST INTENTIONS: COMMUNITY-BASED TOURISM IN KOTA BELUD, SABAH Nur Fikri Jainol ^{1*} , Boyd Sun Fatt ² & Spencer Hedley Mogindol ²	122 - 135
THE COLLISION OF TRADITION AND MODERNITY: INTERPRETING THE CULTURAL CHARACTERISTICS OF CHINESE ANIMATED PUBLIC SERVICE ANNOUNCEMENTS Li YiXuan ^{1*} , Azahar Harun ² & Rao DongYu ³	136 - 150
EXPLORING UNIVERSITY STUDENTS' PODCASTING KNOWLEDGE AND PODCAST PRODUCTION INTENTION AND MOTIVATION: A COMPARATIVE STUDY BY GENDER AND AGE Noraziah Mohd Amin ^{1*} , Anwar Farhan Mohamad Marzaini ² , Che Nooryohana Zulkifli ³ & Nur Afiqah Ab Latif ⁴	151 - 165
A SURVEY ON STUDENTS' KNOWLEDGE ON EMPLOYABILITY SKILLS Noor Zahirah Mohd Sidek ^{1*}	166 - 179
DESIGNING AND VALIDATING THE STUDY ON THE INFLUENCE OF SOCIAL MEDIA INFLUENCERS SCALE Jiayu Wu ^{1*} , Noor Mayudia Mohd Mothar ² & Anuar Ali ³	180 - 202



TABLE of CONTENTS

A REVIEW OF THE EFFECTS OF ANTHROPOMORPHIC DESIGN ON CONSUMER EMOTIONS Tian Yuyang ^{1*} , Siti Farhana Zakaria ²	203 - 213
ASSESSMENT OF CYBERSECURITY AND PRIVACY AWARENESS AMONG NON-COMPUTER SCIENCE STUDENTS IN HIGHER LEARNING INSTITUTIONS Satria Arjuna Julaihi ^{1*} , Norizuandi Ibrahim ² , Lenny Yusrina Bujang Khedif ³ & Neelam Amelia Mohamad Rejen ⁴	214 - 228
DIGITAL COMPETENCY FRAMEWORK IN DIGITAL TECHNOLOGY TOWARDS FUTURE INDUSTRIAL REVOLUTION IN MALAYSIA Asnidatul Adilah Ismail ^{1*} , Razali Hassan ² & Azura Ahmad ³	229 - 237
ENHANCING STUDENT SATISFACTION: EVALUATING ON-CAMPUS HAIRCUT AND GROOMING SERVICES WITH A FOCUS ON INCLUSIVITY AND SUSTAINABILITY AT UiTM Noor Azli Affendy Lee ^{1*} , Suria Sulaiman ² , Mohd Ikmal Fazlan Rozli @ Rosli ³ , Kay Dora Abd Ghani ⁴ , Anas Ibrahim ⁵ & Intan Rabiatalainie Zaini ⁶	238 - 250
INTEGRATING ACADEMIC AND PRACTICAL SKILLS IN TAHFIZ EDUCATION: AN EVALUATION OF THE ASSETS 2024 PROGRAM Noor Azli Affendy Lee ^{1*} , Nor Hanim Abd Rahman ² & Wan Muhammad Nurhabis Wan Pazilah ³	251 - 261
EXPLORING THE RELATIONSHIP AMONGST CORPORATE GOVERNANCE MECHANISMS, HUMAN GOVERNANCE CHARACTERISTICS, COMPANY RESOURCES, RISK DISCLOSURE, AND SSCM DISCLOSURE: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW APPROACH Nur Zharifah Che Adenan ^{1*} , Roshima Said ² & Corina Joseph ³	262 - 294
ENHANCING MENSTRUAL HYGIENE MANAGEMENT: AN EVALUATION OF KNOWLEDGE, PRACTICES, AND UNIVERSITY SUPPORT AMONG FEMALE STUDENTS AT UiTM Noor Azli Affendy Lee ^{1*} , Kay Dora Abd Ghani ² , Mohd Ikmal Fazlan Rozli @ Rosli ³ , Suria Sulaiman ⁴ & Intan Rabiatalainie Zaini ⁵	295 - 306
KELESTARIAN KENDIRI PENGURUSAN REKOD KEWANGAN DALAM KALANGAN USAHAWAN ASNAF Zuraidah Mohamed Isa ¹ , Nurul Hayani Abd Rahman ² , Azyyati Anuar ³ , Norhidayah Ali ^{4*} , Suhaida Abu Bakar ⁵ & Dahlia Ibrahim ⁶	307 - 315
PERCEPTIONS AND MANAGEMENT OF STRAY CATS ON UNIVERSITY CAMPUSES: A CASE STUDY OF UiTM Noor Azli Affendy Lee ^{1*} , Kay Dora Abd Ghani ² , Mohd Ikmal Fazlan Rozli @ Rosli ³ & Intan Rabiatalainie Zaini ⁴	316 - 326
BALANCING CONVENIENCE, AFFORDABILITY, AND NUTRITION: AN EVALUATION OF READY-TO-EAT MEAL PREFERENCES AMONG UiTM STUDENTS AND THE EFFECTIVENESS OF THE MENU RAHMAH INITIATIVE Noor Azli Affendy Lee ^{1*} , Mohd Ikmal Fazlan Rozli @ Rosli ² , Kay Dora Abd Ghani ³ , Suria Sulaiman ⁴ & Intan Rabiatalainie Zaini ⁵	327 - 337
BODY SHAMING: BELIEFS AND AWARENESS AMONG MALAYSIAN TERTIARY STUDENTS AND THE ROLE OF INSTITUTIONAL INTERVENTION Huzaifah A Hamid ¹ , Norlizawati Ghazali ² , Naginder Kaur ³ , Siti Sarina Sulaiman ⁴ , Amizura Hanadi Mohd Radzi ^{5*} & Yang Salehah Abdullah Sani ⁶	338 - 351

STRATEGI PEMBELAJARAN UNTUK PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA ARAB: SATU KAJIAN DI SALAH SEBUAH SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KUALA NERUS TERENGGANU, MALAYSIA

Syahirah Amni Abdull Aziz¹ & Mohammad Taufiq Abdul Ghani^{2*}

^{1,2} Faculty of Languages and Communication,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

ARTICLE INFO

Article history:

Received Feb 2025
Accepted April 2025
Published July 2025

Keywords:

*Strategi pembelajaran,
bahasa Arab, kosa kata,
pengajaran dan
pembelajaran, pendekatan
kuantitatif.*

Learning Strategies, Arabic
Language, Vocabulary,
Teaching And Learning,
Quantitative Approach.

Corresponding Author:
taufiq@fbk.upsi.edu.my

ABSTRACT

Kajian ini meninjau keberkesanan strategi pembelajaran dalam meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah menengah di daerah Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengukur tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dan strategi pembelajaran melalui soalan kajian yang diedarkan kepada 92 orang pelajar dari tingkatan 1 hingga 3. Peserta kajian dipilih dengan menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif melalui perisian IBM SPSS. Hasil kajian menunjukkan variasi dalam pemilihan strategi pembelajaran yang berkesan melalui visual, auditori dan pembelajaran kinestetik. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab di sekolah adalah mencukupi dan diperkaya dengan akses kepada sumber pembelajaran yang mencukupi. Namun begitu, terdapat kecenderungan ke arah kurang minat menggunakan kamus atau aplikasi digital serta penggunaan kad imbasan dalam pembelajaran kosa kata. Interaksi dengan rakan sebaya yang mahir dalam bahasa Arab dan penggunaan multimedia dianggap membantu dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab. Dapatan ini diharap dapat membantu warga pendidik dalam merangka dan melaksanakan strategi pembelajaran bahasa Arab yang lebih berkesan dan responsif kepada keperluan pelajar dalam era globalisasi.

This study explores the effectiveness of learning strategies in enhancing Arabic vocabulary acquisition among students in a secondary school located in Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. A quantitative research design was employed, involving the administration of a structured questionnaire to 92 students from Form 1 to Form 3. The participants were selected using a simple random sampling technique. The collected data were analysed using descriptive statistical analysis via IBM SPSS software. The findings indicate a variety of effective learning strategies adopted by the students, including visual, auditory, and kinesthetic methods. While vocabulary teaching and learning in school appears to be sufficient and supported by adequate learning resources, there is a noticeable lack of interest in using dictionaries or digital applications, as well as in employing flashcards. In contrast, peer interaction and the use of multimedia tools were found to significantly aid in vocabulary acquisition. The findings are expected to guide educators in designing and implementing more effective and responsive Arabic language learning strategies that meet the needs of students in the era of globalization.

1. Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa utama dalam kalangan masyarakat Islam di seluruh dunia, terutamanya di negara-negara Arab. Bahasa ini mempunyai kedudukan istimewa kerana ia dianggap sebagai bahasa asas bagi budaya dan tamadun Islam, selain menjadi bahasa al-Quran, kitab suci umat Islam, yang berperanan penting dalam ritual keagamaan dan pemahaman agama (Yusoff & Adnan, 2008). Di samping fungsi keagamaan, bahasa Arab juga memainkan peranan dalam memperkayakan perbendaharaan kata bahasa lain, terutamanya dalam dunia Islam, di mana bahasa Arab menyumbangkan banyak istilah penting dalam bidang sains, kesenian, undang-undang, dan falsafah. Peranan ini boleh disamakan dengan pengaruh Latin terhadap bahasa-bahasa di Eropah, yang memberikan asas dalam pembentukan kosa kata dalam banyak bahasa moden.

Kosa kata atau perbendaharaan kata merupakan elemen kritikal dalam penguasaan sesuatu bahasa. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, penguasaan kosa kata dianggap sebagai asas kepada kompetensi berbahasa, memandangkan kosa kata yang kukuh akan memudahkan seseorang pelajar untuk menguasai empat kemahiran bahasa utama iaitu menulis, membaca, bertutur dan mendengar (Anuar et al., 2021; Aluwi & Ghani, 2023). Menurut Hashim et al. (2020), pembelajaran kosa kata secara eksplisit adalah satu kaedah yang berkesan untuk mencapai penguasaan bahasa kerana ia memberi tumpuan khusus kepada pemahaman makna dan penggunaan perkataan secara langsung, berbanding hanya bergantung kepada pembelajaran kosa kata secara tersirat atau kebetulan. Ketiadaan penguasaan kosa kata yang mencukupi boleh menjadi halangan utama dalam perkembangan kecekapan bahasa, di mana pelajar mungkin mengalami kesukaran untuk menyampaikan atau memahami maklumat, yang akan menjejaskan keberkesanan komunikasi.

Di Malaysia, bahasa Arab mempunyai peranan yang penting khususnya dalam kalangan masyarakat Islam, yang memberi perhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa ini di peringkat sekolah dan institusi pendidikan tinggi (Zainur Rijal & Rosni, 2018). Kepentingan bahasa Arab ini bukan sahaja tertumpu kepada aspek keagamaan tetapi juga meliputi aspek budaya, sejarah, dan tamadun Islam yang ingin diwariskan kepada generasi muda. Justeru, penguasaan kosa kata bahasa Arab menjadi tumpuan utama dalam pembelajaran bahasa ini, dengan penekanan kepada pendekatan pembelajaran yang berstruktur untuk membantu pelajar memperoleh dan menggunakan perbendaharaan kata dengan lebih efektif. Penguasaan kosa kata yang baik turut dianggap penting dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Arab, kerana kosa kata yang kukuh akan membolehkan pelajar membina ayat yang betul dan memahami konteks tatabahasa dengan lebih mendalam.

Kajian-kajian terdahulu telah membuktikan bahawa penguasaan kosa kata adalah komponen penting yang menyokong penguasaan bahasa secara keseluruhan, di mana pembelajaran kosa kata harus difokuskan kepada proses yang lebih daripada sekadar menghafal. Hashim et al., (2020) menyarankan bahawa pengumpulan kosa kata perlu disertai dengan pemahaman yang mendalam tentang makna dan penggunaannya dalam ayat lisan atau tulisan. Aktiviti menghafal perkataan tanpa memahami makna sebenar tidak mencukupi untuk membolehkan individu menggunakan kosa kata tersebut dengan berkesan dalam situasi komunikasi sebenar. Maka, dalam pembelajaran bahasa Arab, kosa kata perlu dilihat sebagai struktur asas yang memainkan peranan utama dalam penyampaian makna.

Penguasaan kosa kata dalam bahasa Arab turut dikaitkan dengan kompetensi berbahasa dan kemahiran komunikasi yang menyeluruh, di mana pelajar yang menguasai kosa kata akan dapat memahami dan menghargai nilai budaya dan agama yang terkandung dalam bahasa ini. Proses pembelajaran bahasa Arab di Malaysia menjadikan kosa kata sebagai komponen terpenting yang perlu dikuasai pelajar dalam usaha mencapai kompetensi berbahasa yang baik (Zainur Rijal & Rosni, 2018). Namun, masih terdapat ramai pelajar yang tidak mampu menguasai kosa kata bahasa Arab dengan baik, dan kesulitan ini sering kali berpunca daripada kurangnya pemahaman terhadap makna kosa kata serta aplikasi praktikalnya dalam konteks sebenar (Siti Rohani et al., 2020). Justeru, penekanan kepada penguasaan kosa kata dianggap sebagai elemen utama yang perlu dikuasai sebelum pelajar dapat mencapai penguasaan bahasa yang lebih komprehensif.

Kepentingan kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab bukan sahaja relevan dari aspek kecekapan berbahasa umum tetapi juga dalam membentuk pemahaman budaya dan agama yang diwakili oleh bahasa ini. Kajian-kajian dan pengalaman dalam pengajaran bahasa Arab menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran kosa kata secara eksplisit dan bermakna lebih berkesan dalam meningkatkan keupayaan pelajar untuk mempelajari bahasa ini (Siti Rohani et al., 2020). Dalam konteks Malaysia, di mana bahasa Arab memainkan peranan utama dalam sistem pendidikan Islam, pendekatan pengajaran kosa kata yang inovatif dan berkesan amat diperlukan untuk meningkatkan kompetensi linguistik pelajar, selain memperkayakan pemahaman mereka terhadap aspek budaya dan agama yang berkaitan dengan bahasa ini. Oleh itu, guru dan pendidik perlu memberi tumpuan kepada strategi pembelajaran yang dapat membina pemahaman mendalam dan kecekapan praktikal dalam penggunaan kosa kata bahasa Arab, yang sejajar dengan keperluan dan cabaran pendidikan masa kini.

Melalui pendekatan yang holistik dan kontekstual, pengajaran kosa kata bahasa Arab bukan sahaja membantu meningkatkan kemahiran bahasa pelajar, tetapi juga membuka ruang kepada pemahaman yang lebih luas tentang nilai budaya, sejarah, dan agama yang terkandung dalam bahasa Arab. Kesimpulannya, penguasaan kosa kata bahasa Arab secara

mendalam bukan sahaja menyumbang kepada pencapaian kemahiran bahasa yang tinggi, malah membawa pelajar kepada pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap budaya Islam, memperkukuh identiti mereka, serta membina hubungan yang lebih erat antara budaya dalam dunia yang semakin global dan saling berkaitan.

2. Latar Belakang Kajian

Kosa kata merupakan elemen bahasa yang paling penting dalam pembelajaran sesuatu bahasa sama ada bahasa ibunda, bahasa kedua mahupun bahasa asing. Penguasaan kosa kata bahasa Arab berkait erat dengan penguasaan kemahiran berbahasa seperti mendengar, berbicara, membaca dan menulis. Tidak dinafikan mempelajari sesuatu bahasa asing mempunyai kesukaran dan kesulitan dalam proses pembelajarannya kerana ia bukan bahasa bagi penutur jati (Baharuddin & Shahman, 2012). Majoriti sarjana menyatakan bahawa pelajar mempunyai tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab yang sederhana. Kekurangan kosa kata ini telah menimbulkan kesukaran bagi mereka untuk menguasai dan memahami bahasa dengan baik (Aluwi & Ghani, 2023; Rosni et al., 2023).

Kosa kata juga merupakan elemen penting yang harus dikuasai dalam pembelajaran bahasa (Nik Nur Akmar & Harun, 2017). Penguasaan kosa kata dilihat sebagai tunjang untuk menguasai kemahiran tertinggi berbahasa iaitu komunikasi. Tanpa penguasaan kosa kata yang mantap, seseorang tidak boleh menguasai aspek pembacaan, pertuturan, pendengaran dan penulisan dengan baik (Aluwi & Ghani, 2023). Penguasaan kosa kata sesuatu bahasa merupakan konteks pendidikan sekolah yang boleh diperoleh melalui dua pendekatan utama iaitu pengajaran dan pembelajaran.

Penguasaan kosa kata bahasa Arab merupakan elemen utama untuk memahami bahasa tersebut. Kelemahan perbendaharaan kata dikaitkan dengan kelemahan kosa kata (Zulkepli et al., 2023). Malah, isu penguasaan kosa kata bahasa Arab merupakan isu tradisi yang dibangkitkan oleh pengkaji terdahulu dan ia berterusan sehingga kini (Zulkepli et al., 2023; Aluwi & Ghani, 2023; Mohd Sofar, 2023). Kelemahan dalam perbendaharaan kata menunjukkan bahawa seseorang mungkin tidak mempunyai variasi yang mencukupi dalam perkataan yang digunakan. Dengan kata lain, kurangnya kefahaman atau penggunaan kosa kata yang terhad boleh mempengaruhi kemampuan seseorang untuk memahami dan berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Kekurangan penguasaan kosa kata bahasa Arab telah lama menjadi isu dalam kalangan pelajar, di mana ramai yang masih tidak dapat menguasai kosa kata tersebut dengan baik walaupun setelah bertahun-tahun belajar. Isu ini sering dibangkitkan oleh pengkaji terdahulu dan ia kekal menjadi cabaran yang perlu ditangani dalam pendidikan bahasa Arab. Kelemahan dalam penguasaan kosa kata bukan sahaja menunjukkan kekurangan variasi perkataan yang digunakan, tetapi juga menandakan kesulitan dalam memahami makna yang lebih mendalam atau penggunaan perkataan dalam konteks yang berbeza (Azmi, 2024). Kelemahan ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk memperbaiki pendekatan dan kaedah pengajaran agar lebih berkesan dalam membantu pelajar mengatasi masalah tersebut. Kegagalan dalam menguasai kosa kata akan terus membatasi keupayaan pelajar untuk memahami dan menggunakan bahasa Arab secara efektif, sekaligus menjejaskan potensi mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam subjek ini (Yakob, 2023).

Dalam usaha meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab, pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan memainkan peranan yang penting. Pelbagai strategi pengajaran telah dicadangkan untuk meningkatkan kecekapan pelajar dalam menguasai kosa kata. Antara strategi yang popular adalah pembelajaran visual, auditori dan kinestetik, yang masing-

masing disesuaikan dengan gaya pembelajaran individu. Pembelajaran visual, sebagai contoh, menggunakan imej, grafik dan video untuk membantu pelajar mengingat dan memahami kosa kata dengan lebih baik. Teknik peta minda turut digunakan untuk membantu pelajar melihat kaitan antara perkataan dan mengukuhkan ingatan mereka terhadap kosa kata yang dipelajari (Ahmad Sabri et al., 2023).

Strategi auditori pula melibatkan aktiviti mendengar rakaman seperti puisi, cerita dan dialog dalam bahasa Arab, yang bertujuan untuk meningkatkan kebolehan mendengar dan memahami pelajar. Aktiviti ini turut memberi peluang kepada pelajar untuk menambah baik sebutan mereka serta meningkatkan keyakinan dalam menggunakan kosa kata secara lisan. Pembelajaran kinestetik, yang melibatkan aktiviti fizikal seperti main peranan atau simulasi, dapat membantu pelajar yang cenderung kepada gaya pembelajaran kinestetik untuk lebih memahami dan mengingat kosa kata. Aktiviti yang memerlukan pelajar untuk bergerak atau berinteraksi secara fizikal dengan bahan pembelajaran ini didapati berkesan dalam meningkatkan penglibatan mereka dalam proses pembelajaran (Mohd Sofar, 2023).

Sehubungan dengan itu, pendekatan pengajaran kosa kata yang holistik dan fleksibel adalah penting untuk memastikan keberkesanan dalam pembelajaran bahasa Arab. Gabungan pelbagai strategi dan media pembelajaran membolehkan guru untuk menyesuaikan pengajaran dengan keperluan dan keutamaan pelajar, yang seterusnya dapat meningkatkan motivasi dan minat mereka terhadap subjek ini. Kesediaan untuk menyesuaikan diri dengan gaya pembelajaran individu juga dapat membantu memaksimumkan keberkesanan strategi pembelajaran, di mana pelajar berpeluang untuk belajar dalam suasana yang lebih menyokong dan sesuai dengan gaya pembelajaran mereka. Gabungan antara strategi visual, auditori dan kinestetik dalam pembelajaran bahasa Arab bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar, tetapi juga membantu membina keyakinan mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa tersebut, menjadikan pengajaran kosa kata bahasa Arab lebih bermakna dan bermanfaat bagi pelajar.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, bertujuan untuk mengukur tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dan strategi pembelajaran dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah menengah di daerah Kuala Nerus, Terengganu. Pendekatan ini membolehkan pengkaji untuk mengumpul data yang dapat diukur secara kuantitatif dan melakukan analisis statistik deskriptif untuk memperoleh kesimpulan yang boleh digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar.

Persampelan

Teknik persampelan secara rawak mudah digunakan dalam kajian ini untuk memastikan bahawa setiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Populasi kajian ini seramai 110 orang pelajar di salah sebuah sekolah menengah di daerah Kuala Nerus, Terengganu yang terdiri daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 3. Kesemua populasi kajian mengambil mata pelajaran bahasa Arab. Oleh itu, seramai 92 orang pelajar telah dipilih sebagai responden melalui teknik persampelan rawak mudah. Jumlah peserta kajian adalah melebihi tahap minimum berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan (1970).

Instrumen Kajian

Instrumen utama dalam kajian ini ialah satu set soal selidik berstruktur yang dibangunkan bagi menilai tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab serta strategi pembelajaran yang

digunakan oleh pelajar. Soal selidik tersebut mengandungi 19 item pernyataan, yang diukur menggunakan skala Likert lima mata (1 = Sangat Tidak Bersetuju hingga 5 = Sangat Bersetuju). Pemilihan skala ini adalah bertujuan untuk memperoleh data kuantitatif yang membolehkan analisis deskriptif dan inferensi dijalankan dengan lebih berkesan.

Bagi menjamin kesahan instrumen, satu proses kesahan kandungan dan kesahan muka telah dilaksanakan melalui semakan oleh dua orang pakar dalam bidang pengajaran bahasa Arab dan pendidikan. Panel pakar ini menilai setiap item berdasarkan kesesuaian isi kandungan, kejelasan bahasa serta keselarasan dengan objektif kajian. Kajian rintis turut dijalankan terhadap 30 orang responden, yang tidak termasuk dalam sampel kajian sebenar, bagi menilai kebolehpercayaan instrumen. Analisis ke atas data kajian rintis menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach ialah 0.85, yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan nilai kebolehpercayaan dalaman yang memuaskan untuk semua item yang digunakan dalam soal selidik tersebut.

Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dilaksanakan melalui pengedaran borang soal selidik kepada 92 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Kesemua responden merupakan pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 3 di salah sebuah sekolah menengah di daerah Kuala Nerus, Terengganu, yang sedang mengikuti subjek Bahasa Arab sebagai sebahagian daripada kurikulum persekolahan. Responden dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah, selaras dengan pendekatan kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini. Sebelum pelaksanaan pengumpulan data, kebenaran rasmi telah diperoleh daripada pihak pentadbiran sekolah. Di samping itu, persetujuan dimaklum (informed consent) turut diperoleh daripada penjaga pelajar serta pelajar itu sendiri setelah diberi taklimat mengenai tujuan dan prosedur kajian. Penekanan turut diberikan terhadap aspek etika penyelidikan, termasuk jaminan kerahsiaan dan anonimiti data responden sepanjang proses kajian berlangsung.

Etika Kajian

Semua aspek kajian ini akan dilaksanakan dengan mematuhi prinsip-prinsip etika kajian. Ini termasuk mendapatkan persetujuan terlebih dahulu dari pihak sekolah, memastikan kerahsiaan dan anonimiti responden, serta memperoleh keizinan daripada peserta atau penjaga mereka sebelum mengumpul data. Pengkaji juga akan memastikan bahawa semua peserta diberikan penjelasan lengkap tentang tujuan kajian dan cara data mereka akan digunakan.

4. Dapatan Kajian

Jadual 1
Tahap Kosa Kata Bahasa Arab

Soalan	Nilai Min
Kesukaran menguasai kosa kata bahasa Arab	2.83
Kecukupan kosa kata bahasa Arab di sekolah	3.64
Kecukupan kosa kata bahasa Arab di luar waktu sekolah	3.46

Kecukupan akses untuk kosa kata bahasa Arab	4.14
Kekurangan minat dalam kosa kata bahasa Arab	2.15
Kekurangan motivasi dalam kosa kata bahasa Arab	2.15
Keberkesanan metode dalam kosa kata bahasa Arab	2.15
Faktor budaya dalam kosa kata bahasa Arab	3.74
Faktor latar belakang dalam kosa kata bahasa Arab	3.11
Sokongan dari guru untuk kosa kata Bahasa Arab	4.41
Kosa kata bahasa Arab secara visual	4.04
Kosa kata bahasa Arab secara auditori	3.61
Kosa kata bahasa Arab secara kinestetik	3.7
Aplikasi kamus dalam kosa kata bahasa Arab	2.67
Kad imbas untuk menghafal kosa kata bahasa Arab	2.61
Interaksi dengan rakan sebaya dalam kosa kata bahasa Arab	4.32
Penggunaan media dalam kosa kata bahasa Arab	2.63
Teknik pengulangan dalam kosa kata Bahasa Arab	2.68
Teknik penghubungkait dalam kosa kata bahasa Arab	3.86

Kajian ini mendalami tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar, dengan meneliti beberapa aspek penting yang mempengaruhi pencapaian mereka. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa pelajar menghadapi cabaran yang ketara dalam menguasai kosa kata bahasa Arab. Kesukaran ini dicerminkan melalui nilai min yang rendah, iaitu 2.83, di mana majoriti responden (31.5%) tidak bersetuju bahawa penguasaan kosa kata bahasa Arab adalah mudah. Dapatan ini menunjukkan bahawa bagi sebahagian besar pelajar, kosa kata bahasa Arab adalah satu bidang yang kompleks dan memerlukan lebih banyak sokongan serta strategi pembelajaran yang bersesuaian untuk mencapai penguasaan yang baik.

Dari segi kecukupan pengajaran kosa kata di sekolah, nilai min 3.64 menunjukkan bahawa majoriti pelajar (45.7%) berpendapat pengajaran di sekolah adalah mencukupi. Ini mencerminkan keberkesanan kurikulum sekolah dalam menyediakan asas kosa kata yang diperlukan oleh pelajar untuk memahami bahasa Arab. Namun, meskipun pelajar menerima pengajaran yang dianggap memadai, cabaran dalam penguasaan kosa kata masih wujud, yang mungkin menunjukkan keperluan untuk penambahbaikan dalam teknik dan pendekatan pengajaran.

Di luar waktu sekolah pula, pelajar turut dilaporkan memperoleh latihan yang mencukupi, dengan nilai min 3.46 dan 44.6% responden bersetuju. Ini menunjukkan bahawa selain daripada sokongan yang diberikan oleh sekolah, pelajar juga mempunyai akses kepada bahan atau program yang membolehkan mereka meningkatkan kosa kata di luar bilik darjah, seperti kelas tambahan atau pembelajaran sendiri.

Akses kepada bahan pembelajaran yang mencukupi turut merupakan faktor penting dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab, dengan nilai min 4.14 dan 55.4% responden bersetuju bahawa akses kepada sumber ini adalah memadai. Akses yang luas kepada bahan pembelajaran membantu pelajar memperluas pengetahuan kosa kata dan meningkatkan pemahaman mereka secara keseluruhan. Ini boleh melibatkan bahan seperti buku teks, kamus, aplikasi pembelajaran digital, dan sumber dalam talian lain, yang mana keberkesanannya amat bergantung kepada kesediaan dan kemampuan pelajar untuk memanfaatkannya.

Namun demikian, faktor dalaman seperti minat dan motivasi dalam mempelajari kosa kata bahasa Arab adalah rendah. Berdasarkan nilai min yang sama, iaitu 2.15, sebanyak 41.3% responden bersetuju bahawa terdapat kekurangan motivasi dalam kalangan pelajar untuk mempelajari kosa kata bahasa Arab. Ini menunjukkan bahawa walaupun peluang pembelajaran adalah mencukupi, motivasi dalaman pelajar memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penguasaan mereka. Faktor ini mungkin disebabkan oleh persepsi negatif terhadap subjek bahasa Arab, kurangnya pemahaman terhadap kepentingan bahasa Arab, atau kaedah pengajaran yang kurang menarik.

Faktor budaya dan latar belakang pelajar juga didapati mempengaruhi tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab. Dengan nilai min 3.74 untuk faktor budaya dan 3.11 untuk faktor latar belakang, masing-masing sebanyak 44.6% dan 35.9% responden bersetuju bahawa faktor-faktor ini memberi kesan kepada pembelajaran bahasa Arab mereka. Ini mungkin berkait dengan latar belakang sosio-ekonomi pelajar, keluarga yang kurang menekankan pendidikan bahasa Arab, atau kurangnya pengaruh budaya Arab dalam persekitaran mereka.

Sokongan daripada guru pula memainkan peranan signifikan dalam pencapaian pelajar. Dengan nilai min 4.41 dan 43.5% responden yang sangat bersetuju, jelas bahawa guru merupakan faktor penting dalam meningkatkan penguasaan kosa kata. Guru bukan sekadar menyampaikan maklumat tetapi juga berperanan sebagai pembimbing, motivator dan fasilitator dalam proses pembelajaran.

Strategi pembelajaran yang berkesan turut dikenal pasti dalam kajian ini. Pembelajaran visual (min 4.04), auditori (3.61) dan kinestetik (3.70) masing-masing menunjukkan keberkesanan tertentu dalam kalangan pelajar. Sementara itu, penggunaan aplikasi kamus (2.67), kad imbas (2.61), dan media (2.63) kurang mendapat sambutan, menunjukkan keperluan untuk membimbing pelajar dalam menggunakan bahan ini secara lebih efektif.

Kaedah interaksi dengan rakan sebaya menunjukkan kesan positif yang tinggi (min 4.32), manakala teknik penghubungkait dengan pengalaman peribadi juga mendapat nilai tinggi (3.86), menunjukkan potensi besar dalam membantu pelajar mengingat kosa kata dengan lebih mendalam dan bermakna.

5. Perbincangan

Kajian ini memberi penekanan kepada peranan dan kepentingan pelbagai strategi pembelajaran dalam meningkatkan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, dapatan menunjukkan bahawa 45.7% pelajar berpendapat pengajaran di sekolah adalah mencukupi. Ini mencerminkan bahawa kandungan kurikulum serta kaedah pengajaran yang digunakan adalah relevan dengan keperluan dan matlamat pembelajaran pelajar. Pengajaran di sekolah turut disokong oleh aktiviti pembelajaran luar waktu sekolah, di mana 44.6% pelajar melaporkan

menerima latihan yang mencukupi. Ini membolehkan mereka mengukuhkan pengetahuan yang diperoleh di sekolah. Hasil ini menunjukkan bahawa proses pembelajaran kosa kata bahasa Arab bukan sahaja bergantung kepada pengajaran formal di dalam bilik darjah, tetapi juga kepada sokongan aktiviti pembelajaran luar waktu sekolah yang membantu pelajar memperkayakan perbendaharaan kata dan mempraktikkan bahasa dalam konteks yang lebih realistik.

Satu lagi aspek penting ialah akses kepada sumber pembelajaran yang mencukupi. Kajian menunjukkan bahawa 55.4% pelajar menganggap mereka mempunyai akses yang baik kepada pelbagai bahan pembelajaran, termasuk kamus, buku teks dan sumber digital. Kepentingan akses kepada bahan pembelajaran yang pelbagai telah disokong dalam kajian terdahulu seperti yang disarankan oleh Ghani & Wan Daud (2018) serta Rosni (2016), yang menekankan bahawa bahan rujukan yang meluas, terutama yang disokong oleh teknologi digital, memberikan peluang kepada pelajar untuk mengakses kandungan bahasa yang lebih interaktif dan autentik. Akses yang mudah kepada bahan pembelajaran membantu pelajar untuk terus menambah kosa kata secara sendiri serta membina pengetahuan secara progresif di luar bilik darjah.

Dalam konteks psikologi pembelajaran, faktor motivasi dan minat pelajar juga memainkan peranan yang sangat signifikan dalam menentukan keberkesanan proses pembelajaran (Abdull Majid & Abdul Ghani, 2024; Hussain & Muhammad Romli, 2024). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar menunjukkan minat yang tinggi dalam mempelajari kosa kata bahasa Arab, sekali gus menunjukkan keinginan dan komitmen pelajar terhadap bahasa tersebut. Menurut teori motivasi dalam pendidikan, minat dan motivasi pelajar berkait rapat dengan keberkesanan pengajaran dan pemilihan strategi pembelajaran yang menarik dan relevan. Justeru, penggunaan strategi pembelajaran yang bersifat interaktif, menyeronokkan dan relevan dengan konteks pelajar adalah kritikal untuk memastikan pelajar terus berminat dan termotivasi untuk belajar. Pemilihan kaedah yang berkesan bukan sahaja meningkatkan keinginan pelajar untuk belajar tetapi juga membantu mereka memahami dan menguasai kosa kata dengan lebih baik (Suhaimi & Ahmad Sabri, 2023).

Strategi pembelajaran bahasa yang komprehensif merupakan pendekatan yang berkesan dan telah terbukti secara empirikal dapat meningkatkan keupayaan pelajar menguasai kosa kata dalam bahasa Arab (Azmi, 2024). Strategi pembelajaran bahasa memerlukan interaksi aktif dan aplikasi kosa kata dalam konteks komunikasi yang sebenar. Strategi pembelajaran bahasa ialah teknik atau instrumen yang digunakan oleh pelajar untuk memperoleh pengetahuan tertentu, termasuklah perbendaharaan kata. Strategi ini juga merujuk kepada tindakan khusus yang diambil oleh pelajar untuk memudahkan proses pembelajaran, menjadikannya lebih berkesan, menyeronokkan, serta menyesuaikan diri dengan situasi baharu dalam pembelajaran. Pengetahuan tentang strategi pembelajaran ini memberikan guru bahasa Arab keupayaan untuk mereka bentuk dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna dan relevan, di mana pelajar bukan sahaja menerima maklumat tetapi juga mempraktikkannya secara berkesan dalam situasi yang autentik (Yakob, 2023).

Dalam kajian ini, keberkesanan strategi pembelajaran diukur melalui sembilan item utama yang merangkumi pelbagai aspek pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Antaranya ialah pembelajaran visual, auditori, kinestetik, penggunaan kamus atau aplikasi kamus, kad imbasan, interaksi dengan rakan sebaya, penggunaan media, teknik pengulangan, serta teknik mengaitkan kosa kata dengan gambar, cerita atau pengalaman peribadi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 50% pelajar menyatakan keutamaan kepada pembelajaran visual, di mana pelajar lebih mudah mengingat dan memahami kosa kata melalui penggunaan gambar,

ilustrasi dan video. Ini sejajar dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa pendekatan visual dapat meningkatkan daya ingatan pelajar terhadap perkataan baharu kerana ia merangsang pemprosesan visual di otak.

Pendekatan auditori juga mendapat sambutan baik dengan 39.1% pelajar menunjukkan keutamaan kepada kaedah ini. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, aspek auditori adalah penting, terutamanya dalam penguasaan sebutan dan pemahaman pendengaran. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa latihan pendengaran membantu pelajar dalam mempertingkatkan kebolehan mereka untuk membezakan bunyi yang berbeza dan memahami makna kosa kata dalam pelbagai konteks. Selain itu, pendekatan kinestetik, dengan 43.5% pelajar menyatakan keutamaan kepada kaedah ini, adalah sesuai untuk pelajar yang lebih cenderung kepada aktiviti fizikal atau praktikal. Pendekatan ini melibatkan penggunaan gerak badan atau aktiviti fizikal yang membantu pelajar yang gemar belajar melalui pengalaman langsung atau latihan praktikal (Rosni et al., 2023; Hussain & Abdul Ghani, 2024).

Walaupun bagaimanapun, penggunaan kamus atau aplikasi kamus kurang popular, dengan hanya 35.9% pelajar bersetuju dengan keberkesanannya. Dapatan ini mungkin disebabkan oleh kesukaran untuk memanfaatkan kamus secara berkesan atau ketidaksesuaian kaedah ini dengan gaya pembelajaran tertentu. Para sarjana turut mencadangkan bahawa kamus boleh membantu dalam proses pembelajaran kosa kata jika digunakan secara aktif dan dalam konteks yang jelas, namun pelajar mungkin memerlukan panduan dalam penggunaannya supaya lebih berkesan.

Penggunaan kad imbasan turut mencatatkan persetujuan yang rendah, di mana hanya 31.5% pelajar bersetuju dengan kaedah ini. Walaupun kad imbasan terbukti berkesan untuk hafalan dalam kajian terdahulu, keberkesanannya bergantung kepada kebolehan pelajar untuk menggunakannya dengan disiplin yang tinggi dan kekerapan ulang kaji. Teknik ini sesuai untuk pelajar yang gemar belajar secara berstruktur dan mempunyai disiplin dalam pengulangan berjadual.

Sebaliknya, interaksi dengan rakan sebaya yang mahir dalam bahasa Arab menunjukkan kesan positif yang signifikan, dengan 45.7% pelajar bersetuju dengan keberkesanan kaedah ini. Strategi interaksi dengan rakan sebaya bukan sahaja menyediakan suasana pembelajaran yang kurang formal tetapi juga meningkatkan keyakinan pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Strategi ini menyokong teori Vygotsky mengenai Zon Perkembangan Proksimal, yang menekankan kepentingan pembelajaran kolaboratif dan bimbingan rakan sebaya dalam meningkatkan pencapaian pelajar.

Dari segi penggunaan media, hanya 27.2% pelajar bersetuju bahawa penggunaan media Arab dan teknik pengulangan adalah berkesan. Ini menunjukkan bahawa pelajar mungkin lebih cenderung kepada kaedah interaksi langsung berbanding pendekatan pasif seperti menonton video atau mendengar rakaman. Namun, strategi mengaitkan kosa kata dengan gambar, cerita, atau pengalaman peribadi mendapat sambutan baik dengan 40.2% pelajar bersetuju. Teknik ini membantu pelajar untuk mengingati kosa kata secara lebih mendalam apabila mereka dapat mengaitkan perkataan tersebut dengan pengalaman atau konteks yang bermakna dalam kehidupan mereka.

Kesimpulannya, kajian ini menegaskan kepelbagaian keutamaan terhadap strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar, di mana strategi yang menekankan interaksi aktif, penggunaan konteks komunikatif, dan aplikasi berterusan adalah lebih berkesan. Oleh itu, pendekatan pengajaran yang bersepadu dan pelbagai disyorkan untuk

memenuhi keperluan pelajar yang berbeza-beza dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Gabungan pelbagai pendekatan pengajaran yang responsif kepada keperluan individu pelajar akan membolehkan pelajar menguasai kosa kata bahasa Arab dengan lebih baik dan seterusnya memupuk minat serta motivasi yang tinggi dalam penguasaan bahasa tersebut.

6. Kesimpulan

Hasil perbincangan berkenaan penguasaan kosa kata dan strategi pembelajaran khususnya dalam konteks bahasa Arab menekankan kepentingan penguasaan kosa kata dalam usaha untuk menguasai bahasa Arab. Faktor-faktor seperti kecukupan pengajaran di sekolah, peluang latihan di luar waktu sekolah, akses kepada sumber pembelajaran yang mencukupi, serta tahap minat dan motivasi pelajar, mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penguasaan kosa kata. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa strategi pembelajaran yang menekankan pengalaman pembelajaran yang aktif, kontekstual dan bermakna dapat meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar dengan berkesan. Selain itu, kepelbagaian kaedah pembelajaran yang sesuai dengan keutamaan pembelajaran individu pelajar juga menyumbang secara positif kepada kejayaan pembelajaran. Pengintegrasian teknologi dalam pembelajaran, penggunaan pelbagai media, dan aktiviti interaktif antara pelajar dan rakan sebaya telah terbukti dapat memperkaya pengalaman pembelajaran dan memudahkan penguasaan kosa kata yang lebih mendalam. Kejayaan strategi ini turut disokong dengan kehadiran guru sebagai fasilitator yang aktif, memberikan sokongan dan bimbingan yang secukupnya kepada pelajar.

Berdasarkan kesimpulan tersebut, beberapa cadangan kajian masa depan boleh dipertimbangkan. Antaranya ialah menjalankan analisis perbandingan antara pelbagai strategi pembelajaran untuk menilai keberkesanan pendekatan yang berbeza dalam meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab. Kajian boleh merangkumi pembelajaran berasaskan teknologi, pembelajaran kolaboratif, dan kaedah tradisional. Pendekatan ini diharap dapat memberikan gambaran yang lebih luas dan mendalam tentang strategi pembelajaran yang paling sesuai dalam konteks pendidikan bahasa Arab semasa. Selain itu, penyelidikan juga boleh difokuskan kepada aspek motivasi pelajar, bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong atau menghalang pelajar untuk mempelajari kosa kata bahasa Arab. Pemahaman terhadap aspek afektif ini boleh membantu guru merancang pendekatan yang lebih berkesan dan berfokuskan pelajar. Melalui penyelidikan yang berterusan, pendekatan dan metodologi pengajaran bahasa Arab dapat dibangunkan secara lebih inovatif dan responsif terhadap keperluan serta cabaran semasa pelajar dalam era globalisasi ini.

Penghargaan

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak sekolah yang terlibat, para responden yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya, serta penilai artikel atas cadangan dan maklum balas yang sangat berguna dalam penambahbaikan kajian ini.

Maklumat Pembiayaan

Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan daripada mana-mana institusi atau badan pembiaya.

Sumbangan Penulis

Penulis pertama bertanggungjawab dalam proses pengumpulan data, pembinaan instrumen kajian, analisis data serta menulis artikel. Manakala penulis kedua pula terlibat dalam proses penulisan artikel, menjalankan interpretasi data, dan menyelaras keseluruhan struktur artikel termasuk semakan dan penyelarasan kandungan setiap bahagian.

Konflik Kepentingan

Tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abdull Majid, M. A. M., & Abdul Ghani, M. T. (2024). Penerokaan Elemen Bahan Bantu Mengajar yang menyokong Peningkatan Kemahiran Komunikasi Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah di Daerah Setiu, Terengganu. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(1), 105–115.
- Ahmad Sabri, A. S., Suhaimi, M. F., & Wan Ahmed, W. A. (2023). Strategy to Increase Arabic Vocabulary Size among Secondary School Students in Setiu District, Terengganu. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 58–65.
- Aluwi, A. M., & Ghani, M. T. A. (2023). Penguasaan Kosa Kata Terhadap Penulisan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Khairiah: Kajian daripada Perspektif Guru: Vocabulary Mastery of Arabic Language Writing Among Khairiah Religion Secondary School Students: A Study from The Teacher's Perspective. *Sains Insani*, 8(2), 294-303.
- Anuar, Z. M., Abd Hamid, M., Wahab, B., Yahaya, A., & Mohamad, N. (2023). Isu Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Uitm Dan Aplikasi Mufradati. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8(52), 350-362.
- Azmi, N. A. فاعلية Ezy-Flash Mufradat في الثاني الصف طلاب لدى اللغوية المفردات إتقان تعزيز في. *تطبيق استخدام: The Effectiveness of Using the Ezy-Flash Mufrodat Application in Enhancing Vocabulary Mastery Among Second-Year Students in Gopeng, Perak. SIBAWAYH 2024*, 5, 98-110.
- Baharuddin, & Shahman. (2012). Analisis Kontrastif Struktur Asas Ayat Bahasa Arab dan Melayu. *Masters Thesis, Universiti Malaya*.
- Ghani, M. T. A. & Wan Daud, W. A. A. (2018). Bahasa Arab Untuk Pendidikan Awal Kanak-Kanak: Satu Kajian Analisis Keperluan: Arabic For Early Childhood Education: A Need Analysis Study. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 7, 70–82.
- Hashim, H., Abu Bakar, K., & Ahmad, M. (2020). Penguasaan kosa kata bahasa Arab menerusi pengetahuan makna dan penggunaannya. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 21, 160–174.

- Hussain, Y., & Abdul Ghani, M. T. (2024). Penerokaan Amalan Pengajaran Terbaik dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Bahasa Arab: Satu Kajian Perspektif Guru Bahasa Arab di Daerah Temerloh Pahang: Exploring the Best Teaching Practices in Enhancing Arabic Writing Skills: A Study on the Perspective of Arabic Language Teachers at Temerloh District, Pahang. *Sains Insani*, 9(1), 85-92.
- Hussain, Y., & Muhamad Romli, T. R. (2024). Improving Arabic Vocabulary among Form 2 Students at Temerloh Distric, Pahang using the 'Snap Card' Game. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 5(2), 70–84. <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol5.2.5.2024>
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*.
- Mohd Sofar, N. A. R. (2023). Level of Mastery of Arabic Language Communication Skills among Students in Religious Secondary Schools in Kuala Muda District, Kedah Darul Aman. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 76–85.
- Muhammad Zulazizi, M. N. (2020). Meningkatkan Kosa Kata, Motivasi dan Keyakinan dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kebangsaan Melalui Program Bahasa Arab. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 9, 1-10.
- Nik Nur Naimah Akmar, K., & Harun, B. (2017). Strategi Pembelajaran Kosa Kata dan Penguasaan Pengetahuan Kosa Kata Arab dalam Kalangan Pelajar STAM. *Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 54-73.
- Rosni, S. (2016). Strategi ROSNI Untuk Pembelajaran Bahasa Arab. *Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa dan Sastera Arab Kepada Penutur Bukan Arab 2016* (pp. 189-194). Kelantan: Universiti Malaya.
- Rosni, S., Aishah, I., Khairul Asyraf Mohd, M. N., Mohamad Yazid, A. M., Mohd Adi Amzar, M. N. & Hishomudin, A. (2023). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Sastera dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 64-77.
- Siti Rohani, J., Suhaila, Z., & Hakim, Z. (2020). Impak Pendekatan Kreatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 10-2.
- Suhaimi, M. F., & Ahmad Sabri, A. S. (2023). Causes of Students Facing Difficulties in Speaking Arabic and Methods to Overcome It Among Arabic Students at UPSI. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 46–57. <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol4.2.5.2023>
- Yakob, M. H. (2023). Use of Lughatul Faslī among Arabic Language Training Teachers at Sultan Idris Education University . *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 99–106.
- Yusoff, M. A., & Adnan, M. A. M. (2008). Bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dan peradaban: Satu kajian dari sudut keistimewaanannya. *Jurnal Usuluddin*, 27, 157-167.
- Zainur Rijal, A. R. & Rosni, S. (2018). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar di Peringkat Pengajian Tinggi: Permasalahan dan Strategi Pengajaran. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 8(2), 61-70.

Zulkepli, M. K. A., Abd Hamid, M. Z., Wahab, B., Yahaya, A. F., & Mohamad, N. (2023). Isu Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Uitm Dan Aplikasi Mufradati. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (52), 350-362.

